

**D.R. 53/96**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDA NG-UNDA NG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDA NG-UNDA NG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1996.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Subseksyen 2(1) Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan seksyen 2. Akta 441.

(a) dengan memasukkan selepas takrif "buku" takrif yang berikut:

' "bulan" ertinya suatu tempoh selama tiga puluh hari;';

(b) dalam takrif "debentur" dengan menggantikan perkataan "syarikat luar pesisir" dengan perkataan "perbadanan";

(c) dengan menggantikan takrif "Menteri" dengan takrif yang berikut:

' "Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;';

(d) dengan menggantikan takrif "Pendaftar" dengan takrif yang berikut:

' "Pendaftar" ertinya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996;'; dan

(e) dengan memasukkan selepas takrif "syer" takrif yang berikut:

' "tarikh pembayaran fee tahunan" ertinya tarikh fee tahunan sesuatu syarikat luar pesisir kena dibayar menurut seksyen 15(6);'.

Pindaan seksyen 6.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:

"

Pemas-tautin yang melakukan apa-apa perbuatan di bawah Akta ini dianggap sebagai bukan pemas-tautin.  
*Akta 442*

6. Seorang pemastautin Malaysia yang melakukan apa-apa perbuatan yang dibenarkan oleh Akta ini dilakukan oleh pemastautin itu hendaklah dianggap sebagai seorang bukan pemastautin untuk tujuan seksyen 8 Akta Syarikat Amanah Labuan 1990."

Pindaan seksyen 7.

4. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (3)—

(i) dalam perenggan (a) dengan memasukkan selepas perkataan "1990" perkataan "atau oleh Pendaftar";

- (ii) dalam perenggan (c) dengan memasukkan selepas perkataan "statutorinya" perkataan "dan jika seksyen 147 terpakai"; dan
  - (iii) dalam perenggan (e) dengan memotong perkataan "atau petrolium"; dan
- (b) dalam subseksyen (4)—
- (i) dalam perenggan (b) dengan memasukkan selepas perkataan "syarikat amanah," perkataan "syarikat domestik yang dimiliki sepenuhnya oleh sesuatu syarikat amanah dan yang disediakan oleh syarikat amanah itu untuk bertindak atau dilantik sebagai pengarah pemastautin atau setiausaha pemastautin sesuatu syarikat luar pesisir,";
  - (ii) dalam perenggan (e) dengan memotong perkataan "atau" di akhir perenggan itu;
  - (iii) dalam perenggan (f)—
    - (A) dengan memasukkan selepas perkataan "syarikat domestik" perkataan "menurut seksyen 147";
    - (B) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan itu dengan perkataan "; atau"; dan
  - (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:
    - "(g) seorang pemastautin Malaysia memegang syer dalam syarikat luar pesisir itu."

Pindaan  
seksyen 9.

5. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan proviso kepada subseksyen (2) dengan proviso yang berikut:

"Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai—

- (a) jika suatu permohonan dibuat berkenaan dengan sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing oleh seorang anggota syarikat itu dan dokumen, perakuan, cabutan atau salinan itu adalah bagi kegunaannya sendiri; atau
- (b) jika suatu permohonan dibuat oleh sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing untuk mendapat suatu lesen bagi maksud menjalankan atau menawarkan untuk menjalankan perniagaan suatu syarikat pengurusan di bawah Bahagian VIII A."

Pindaan  
seksyen 21.

6. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah menggunakan—

- (a) perkataan "Corporation" atau perkataan "Incorporated" atau singkatan "Corp." atau "Inc.";
- (b) perkataan "Limited" atau singkatan "Ltd.";
- (c) perkataan "Public Limited Company" atau singkatan "P.L.C.";
- (d) perkataan "Societe Anonyme" atau "Sociedad Anonima" atau singkatan "S.A.";
- (e) perkataan "Aktiengesellschaft" atau singkatan "A.G.";
- (f) perkataan "Naamloze Vennootschap" atau singkatan "N.V.";

- (g) perkataan "Perseroan Terbatas" atau singkatan "P.T."; atau
- (h) dalam huruf rumi, apa-apa perkataan dalam bahasa kebangsaan mana-mana negara yang bermaksud syarikat saham bersama yang terhad mengikut syer, atau apa-apa singkatannya,

sebagai sebahagian daripada namanya."; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Sesuatu syarikat luar pesisir boleh menggunakan perkataan "(L)" sebagai sebahagian daripada namanya.

(2B) Walau apa pun subseksyen (2), sesuatu syarikat luar pesisir boleh menggunakan perkataan "Berhad" atau singkatan "Bhd." tetapi jika perkataan "Berhad" atau singkatan "Bhd." digunakan sebagai sebahagian daripada nama syarikat luar pesisir itu, syarikat luar pesisir itu hendaklah sebagai tambahan menggunakan perkataan "(L)" sebagai sebahagian daripada namanya."

7. Subseksyen 29(2) Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 29.

- (a) dengan menggantikan perkataan "Tiada" perkataan "Melainkan jika dibenarkan selainnya secara bertulis oleh Pendaftar, tiada"; dan
- (b) dengan memotong perkataan "syer-syer atau".

8. Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 51.

- (a) dalam subseksyen (1)—
  - (i) dalam perenggan (e) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (*e*) perenggan yang berikut:

"(f) memeringkatnilaikan semula matawang mana-mana syer dengan menukar syer yang diperingkatnilaikan dalam satu matawang kepada jumlah syer yang sama dalam matawang lain dengan kebenaran bertulis terdahulu daripada pemiutang, jika ada;"

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Sesuatu pemeringkatnilaian semula matawang mana-mana syer di bawah subseksyen (1)(f) hendaklah disifatkan tidak melaksanakan pengkensenan syer-syer yang sedia ada dan penerbitan syer-syer baru."; dan

(c) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "empat belas hari" dengan perkataan "satu bulan".

Pindaan  
seksyen 55

**9.** Subseksyen 55(8) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "empat belas hari" dengan perkataan "satu bulan".

Pindaan  
seksyen 83.

**10.** Subseksyen 83(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tidak lewat daripada empat belas hari" dengan perkataan "dalam masa satu bulan".

Pindaan  
seksyen 84.

**11.** Subseksyen 84(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "empat belas hari" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "satu bulan".

Pindaan  
seksyen 85.

**12.** Subseksyen 85(2) dan 85(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "empat belas hari" dengan perkataan "satu bulan".

13. Seksyen 86 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 86.

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Nama sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing hendaklah (sama ada atau tidak ia menjalankan perniagaan di bawah suatu nama perniagaan) terdapat dalam huruf rumi yang mudah dibaca dan nombor syarikat bagi syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu hendaklah terdapat pada memorandum dan perkara-perkara persatuan dan apa-apa dokumen lain yang ditetapkan dan jika berlaku keingkaran pada mematuhi subseksyen ini, syarikat itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini."; dan

- (b) dalam subseksyen (4)—

- (i) dalam perenggan (b) dengan memotong perkataan "atau" pada akhir perenggan itu;
- (ii) dalam perenggan (c) dengan menggantikan koma di akhir perenggan itu dengan perkataan "; atau"; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(d) menandatangani atau membenarkan ditandatangani, bagi pihak syarikat, memorandum dan perkara-perkara persatuan atau apa-apa dokumen lain yang ditetapkan oleh Pendaftar apabila nama dan nombor syarikat bagi syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu tidak disebut sedemikian,".

Pindaan  
seksyen 87.

**14.** Subseksyen 87(2) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pegawai syarikat amanah" perkataan "atau sesuatu syarikat domestik yang dimiliki sepenuhnya oleh syarikat amanah itu".

Pindaan  
seksyen 93.

**15.** Seksyen 93 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam memorandum dan perkara-perkara persatuan sesuatu syarikat luar pesisir, suatu perbadanan boleh menjadi setiausaha sesuatu syarikat luar pesisir dan perbadanan itu boleh bertindak sendiri atau melalui seorang penama yang dilantik secara bertulis dan boleh dilantik atau bertindak sebagai setiausaha bagi lebih daripada satu syarikat."; dan

(b) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "pegawai syarikat amanah" perkataan "atau sesuatu syarikat domestik yang dimiliki sepenuhnya oleh syarikat amanah itu".

Pindaan  
seksyen 94.

**16.** Seksyen 94 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "atau, dalam hal pengarah yang adalah suatu syarikat, nama penuh syarikat itu," perkataan "dan nama syarikat amanah yang dia adalah seorang pegawainya dan alamat pejabat berdaftarnya, atau dalam hal suatu perbadanan, nama penuh perbadanan itu,"; dan

(b) dalam subseksyen (3)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "setiausaha," perkataan "dalam hal seorang individu,"; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "pejabat berdaftar syarikat amanah itu" perkataan ", atau dalam hal suatu perbadanan, nama penuh perbadanan itu, alamat pejabat berdaftaranya dan nama-nama penama dan wakilnya yang diberikuasa di Labuan."

17. Bahagian V Penggal 2 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 94 seksyen berikut: Seksyen baru 94A.

" 94A. Jika mana-mana kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini yang dilakukan oleh pengarah-pengarah dan setiausaha-setiausaha 94A. Jika mana-mana kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan oleh mana-mana syarikat domestik yang disediakan oleh suatu syarikat amanah untuk bertindak atau dilantik sebagai pengarah pemastautin atau setiausaha pemastautin sesuatu syarikat luar pesisir, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu adalah pengarah atau pegawai syarikat amanah itu atau berupa sebagai bertindak atau mana-mana sifat sedemikian, atau telah dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab tentang pengurusan mana-mana hal-ehwal syarikat amanah itu, atau telah membantu dalam pengurusan sedemikian, adalah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa dipersetujui atau dibiarkan olehnya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya, dengan memberikan perhatian kepada jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan."

18. Subseksyen 106(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua hari" dan perkataan "empat belas hari" masing-masing dengan perkataan "satu bulan". Pindaan seksyen 106.

- Pindaan seksyen 121, **19.** Perenggan 121(2)(e) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "luar pesisir".
- Pindaan seksyen 126. **20.** Seksyen 126 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tujuh hari" dengan perkataan "satu bulan".
- Bahagian baru VIII.A. **21.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VIII Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN VIII.A

SYARIKAT PENGURUSAN

Tafsiran 130A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"pengurusan syarikat" ertinya pemberian khidmat pengurusan, khidmat pentadbiran, khidmat pemprosesan perbendaharaan dan apa-apa khidmat lain, dan kepada mana-mana orang, sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar;

"syarikat pengurusan" ertinya mana-mana syarikat luar pesisir yang diperbadankan atau syarikat luar pesisir asing yang didaftarkan di bawah Akta ini untuk maksud mengusahakan atau menawarkan untuk mengusahakan perniagaan pengurusan syarikat.

Daftar syarikat pengurusan. 130B. (1) Pendaftar boleh menyimpan suatu daftar semua syarikat pengurusan yang dilesenkan di bawah Bahagian ini.

(2) Daftar yang disimpan di bawah subseksyen (1) hendaklah menunjukkan—

(a) maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen 130D(2)(c) berkenaan dengan setiap syarikat pengurusan dilesenkan di bawah Bahagian ini;

(b) tarikh pemberian lesen; dan

(c) jika lesen dibatalkan, tarikh pembatalannya.

(3) Daftar tersebut hendaklah dalam bentuk yang boleh ditentukan oleh Pendaftar dan boleh terbuka kepada umum untuk pemeriksaan semasa waktu pejabat atas bayaran apa-apa fee pemeriksaan sebagaimana yang ditetapkan.

Pelesenan. 130c. Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan syarikat pengurusan dalam, dari atau melalui Labuan melainkan jika orang itu dilesenkan di bawah Bahagian ini.

Permohonan untuk mendapatkan lesen. 130D. (1) Tiada seorang pun, kecuali suatu syarikat luar pesisir yang diperbadankan, atau syarikat luar pesisir asing yang didaftarkan, di bawah Akta ini, boleh memohon kepada Pendaftar untuk mendapat suatu lesen untuk menjalankan perniagaan pengurusan syarikat dalam, dari atau melalui Labuan.

(2) Suatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah—

(a) dibuat mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pendaftar; dan

(b) disertakan bersama—

(i) apa-apa fee permohonan yang ditetapkan;

(ii) suatu penyata sumber kewangan dan manusia dan kemudahan pentadbiran yang ada pada pemohon bagi perjalanan kompeten dan cekap urusannya; dan

(iii) apa-apa dokumen atau maklumat lain semunasabahnya boleh dikehendaki oleh Pendaftar bagi maksud menimbangkan permohonan itu; dan

(c) mengandungi—

- (i) alamat tempat perniagaan pemohon dan alamat penyampaiannya di Labuan;
- (ii) nama dan alamat seseorang pemastautin di Labuan yang diberikuasa untuk mewakili pemohon dan untuk menerima penyampaian bagi pihaknya; dan
- (iii) alamat mana-mana tempat perniagaan yang pemohon mungkin ada di luar Labuan.

(3) Jika mana-mana maklumat disebut dalam subseksyen (2)(c) diubah pada bila-bila masa selepas dikemukakan, pemohon, selepas diberi lesen di bawah Bahagian ini, hendaklah memberi secara bertulis kepada Pendaftar butir-butir perubahan itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh lesen diberikan atau dalam tempoh satu bulan selepas perubahan dibuat, mengikut mana-mana yang terkemudian.

130E. (1) Pendaftar boleh mengikut budi bicaranya memberikan atau enggan memberikan lesen kepada mana-mana pemohon.

(2) Pendaftar tidak boleh memberikan lesen melainkan jika dia berpuas hati bahawa pemohon—

- (a) mempunyai reputasi yang cukup baik untuk menjalankan perniagaan pengurusan syarikat;
- (b) mempunyai atau tersedia baginya pengetahuan, kepakaran, sumber-sumber dan kemudahan-kemudahan yang cukup yang diperlukan untuk pengurusan atau pentadbiran perniagaan itu dengan sepatutnya;

- (c) mempunyai sumber kewangan yang cukup yang boleh digunakannya untuk membolehkannya menjalankan perniagaannya dengan berkesan dan menjelaskan liabiliti-liabilitinya; dan
- (d) akan dapat mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pendaftar.

(3) Walau apa pun subseksyen (2) Pendaftar bolehlah menolak sesuatu permohonan jika diputuskannya bahawa tidaklah berfaedah untuk kepentingan awam sesuatu lesen diberikan.

(4) Sesuatu lesen bolehlah diberikan tertakluk kepada apa-apa terma, syarat, sekatan atau batasan sebagaimana yang disifatkan oleh Pendaftar patut dinyatakan dalamnya.

(5) Sesuatu lesen hendaklah—

- (a) dalam bentuk yang ditetapkan;
- (b) diterima dalam semua mahkamah sebagai keterangan *prima facie* bagi fakta yang dinyatakan dalamnya; dan
- (c) terus berkuatkuasa sehingga ia dibatalkan.

130F. (1) Pendaftar boleh, jika dia berpuas hati bahawa tidaklah mudarat kepada kepentingan awam untuk berbuat demikian, mengarahkan bahawa semua atau mana-mana peruntukan di bawah Bahagian ini hendaklah—

Kuasa untuk memberikan pengecualian.

- (a) tidak terpakai; atau
- (b) terpakai tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian sebagaimana yang dinyatakannya dalam arahan itu,

bagi sesuatu syarikat pengurusan.

(2) Sesuatu arahan di bawah seksyen ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pendaftar.

Prosedur  
pelesenan.

130c. (1) Jika Pendaftar memberikan sesuatu lesen kepada pemohon Pendaftar hendaklah—

- (a) memasukkan butir-butir pemohon dalam daftar yang disenggarakan olehnya; dan
- (b) mengeluarkan suatu lesen kepada pemohon apabila dibayar apa-apa fee lesen yang ditetapkan.

(2) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini hendaklah mempunyai tarikh lesen itu diberikan.

Fee  
tahunan.

130H. (1) Sesuatu syarikat pengurusan yang diberi lesen di bawah Bahagian ini hendaklah membayar, tidak lewat daripada tiga puluh hari dari setiap tarikh ulangtahun lesen itu diberikan, apa-apa fee tahunan yang ditetapkan.

(2) Mana-mana fee tahunan yang tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) boleh didapati oleh Pendaftar melalui prosiding sivil sebagai hutang yang kena dibayar kepada Pendaftar dan Pendaftar boleh menghendaki dan Mahkamah boleh memerintahkan pembayaran suatu penalti yang amaunnya bersamaan dengan amaun fee itu kerana pembayaran lewat fee itu.

Pembatalan  
lesen.

130i. (1) Pendaftar boleh membatalkan sesuatu lesen—

- (a) atas permintaan pemegang lesen itu; atau

(b) jika pemegang—

- (i) telah berhenti menjalankan perniagaan dalam, dari atau melalui Labuan;
- (ii) telah melanggar mana-mana peruntukan Bahagian ini atau mana-mana terma, syarat, batasan yang dinyatakan lesen; atau
- (iii) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau suatu kesalahan jenayah dalam mana-mana negara atau bidang kuasa.

(2) Pendaftar boleh menyiarkan dalam *Warta*, dalam apa-apa bentuk yang difikirkannya patut, notis tiap-tiap pembatalan lesen di bawah Bahagian ini.

Akses  
kepada  
maklumat  
dan rekod.

130j. Bagi maksud menunaikan kewajipan-kewajibannya, di bawah Bahagian ini, Pendaftar boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, secara bertulis mengarahkan mana-mana pegawai sesuatu syarikat pengurusan yang baginya Bahagian ini terpakai—

- (a) supaya memberikan maklumat; atau
- (b) supaya memberikan akses kepada mana-mana rekod, buku atau dokumen lain,

yang berhubungan dengan perniagaan syarikat pengurusan itu yang dijalankan di bawah Bahagian ini yang, pada pendapat Pendaftar, adalah perlu untuk membolehkannya memastikan sama ada syarikat telah mematuhi peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

Kekebalan dan tindakan oleh Pendaftar. 130K. (1) Tiada liabiliti ditanggung oleh dan tiada guaman, tindakan atau prosiding boleh dibawa terhadap Pendaftar bagi apa-apa perbuatan yang dilakukannya atau tidak dilakukannya dengan suci hati—

(a) dalam pelaksanaan atau cadangan pelaksanaan mana-mana fungsi atau kewajipan; atau

(b) dalam perjalanan atau cadangan perjalanan mana-mana kuasa,

di bawah Bahagian ini.

(2) Pendaftar boleh membawa tindakan dan memulakan prosiding untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan Bahagian ini atau untuk mendapatkan fee atau jumlah wang yang lain yang kena boleh dibayar di bawah Bahagian ini.

Kesalahan dan penalti. 130L. (1) Seorang yang—

(a) dengan sengaja membuat apa-apa salah nyataan dalam mana-mana dokumen yang dikehendaki difailkan, dikemukakan atau diserahkan di bawah Bahagian ini;

(b) dengan sengaja membuat apa-apa pernyataan atau memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki bagi maksud Bahagian ini yang dia tahu adalah salah atau mengelirukan;

(c) dengan disedarinya gagal mendedahkan apa-apa fakta atau maklumat yang dikehendaki didedahkan bagi maksud Bahagian ini; atau

(d) sebagai orang yang bertanggungjawab tentang atau mempunyai milikan terhadap atau kawalan ke atas mana-mana

maklumat, rekod, buku atau dokumen lain yang disebut dalam seksyen 165, enggan atau dengan sengaja cuai untuk mematuhi mana-mana arahan sah yang diberikan di bawah seksyen itu,

adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Penjara selama lima tahun atau tiga puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Peralihan. 130M. Mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang pada tarikh Bahagian ini mula berkuatkuasa sedang menjalankan apa-apa perniagaan atau terlibat dalam syarikat pengurusan dalam, dari atau melalui Labuan hendaklah dalam masa tiga bulan atau suatu tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar dari tarikh mula berkuatkuasa itu, mematuhi peruntukan-peruntukan Bahagian ini."

**22.** Seksyen 141 Akta ibu adalah dipinda ,dengan menggantikan perkataan 'atau "Sociedad Anonima"' dengan perkataan ', "Sociedad Anonima", "Aktiengesellschaft", "Naamloze Vennootschap" atau "Perseroan Terbatas"'. Pindaan seksyen 141.

**23.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 147 dengan seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 147.

" Pelaburan dalam syarikat domestik 147. (1) Sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing boleh memegang syer-syer, obligasi-obligasi hutang atau sekuriti-sekuriti lain dalam sesuatu syarikat domestik kecuali sesuatu syarikat amanah asalkan pegangan sedemikian tidak terjumlah kepada suatu kepentingan pengawalan dalam syarikat domestik itu dan diluluskan oleh Pendaftar.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika seorang pemastautin memegang syer-syer, obligasi-obligasi hutang atau sekuriti-sekuriti lain dalam sesuatu syarikat luar pesisir, syarikat luar pesisir itu tidak boleh memegang syer-syer, obligasi-obligasi hutang atau sekuriti-sekuriti lain dalam sesuatu syarikat domestik.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

"kepentingan pengawalan" berhubung dengan sesuatu syarikat domestik yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur ertinya—

- (a) sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang mengawal—
  - (i) komposisi lembaga pengarah syarikat domestik itu; atau
  - (ii) lebih daripada separuh kuasa mengundi syarikat domestik itu; atau
- (b) sesuatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang memegang lebih daripada separuh modal syer diterbitkan syarikat domestik itu (tidak termasuk mana-mana bahagiannya yang tidak membawa hak untuk mengambil bahagian melebihi amaun yang ditentukan dalam pembahagian keuntungan atau modal); atau
- (c) jika syarikat domestik itu adalah suatu subsidiari mana-mana perbadanan yang merupakan subsidiari syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu;

Akta 280. "sekuriti" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

(4) Bagi maksud perenggan (a) dan (b) subseksyen (3), komposisi lembaga pengarah syarikat domestik hendaklah disifatkan dikawal oleh suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing jika syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu dengan menjalankan sesuatu kuasa yang boleh dijalankan olehnya tanpa izin atau persetujuan mana-mana orang lain boleh melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah; dan bagi maksud peruntukan ini syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu hendaklah disifatkan mempunyai kuasa untuk membuat pelantikan jika—

- (a) seseorang tidak boleh dilantik sebagai pengarah tanpa penjalanan kuasa sedemikian oleh syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu dengan memihak kepadanya; atau
- (b) hakikat bahawa seseorang itu adalah seorang pengarah atau pegawai syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu semestinya membawa kepada pelantikannya sebagai seorang pengarah."

24. Seksyen 150 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "atau kelas syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing" perkataan "atau mana-mana orang atau kelas orang". Pindaan seksyen 150.

25. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 151 dengan seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 151.

<sup>7</sup> Fee, penalti dan pemotongan. 151. (1) Sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah membayar kepada Pendaftar fee tahunan yang kena dibayar pada tarikh pembayaran fee tahunan.

(2) Jika sesuatu syarikat luar pesisir gagal membayar fee tahunan di bawah subseksyen (1) pada atau sebelum tamat tempoh enam bulan dari tarikh pembayaran fee tahunan maka hendaklah kena dibayar sebagai tambahan kepada fee tahunan itu suatu amaun yang bersamaan dengan lima puluh peratus daripada yuran tahunan.

(3) Jika sesuatu syarikat luar pesisir gagal membayar fee tahunan dan amaun tambahan yang dinyatakan dalam subseksyen (2) pada atau sebelum tamat tempoh satu bulan dari tarikh tamat tempoh enam bulan yang dinyatakan dalam subseksyen (2), Pendaftar boleh selepas tamat tempoh satu bulan itu menghantar kepada setiausaha syarikat bagi syarikat luar pesisir itu suatu notis bertulis bahawa nama syarikat luar pesisir itu akan dipotong dari daftar jika fee tahunan dan amaun yang dinyatakan dalam subseksyen (2) tidak dibayar dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu atau apa-apa tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

(4) Jika syarikat luar pesisir itu gagal membayar fee tahunan dan amaun tambahan yang dinyatakan dalam subseksyen (2) dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu atau tempoh lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar di bawah subseksyen (3), Pendaftar boleh memotong nama syarikat luar pesisir itu dari daftar.

(5) Walaupun nama sesuatu syarikat luar pesisir telah dipotong dari daftar di bawah seksyen ini, syarikat luar pesisir itu hendaklah terus bertanggungjawab bagi semua tuntutan, hutang, liabiliti dan obligasi syarikat luar pesisir itu, dan pemotongan itu tidaklah menyentuh liabiliti mana-mana anggota, pengarah, pegawai atau ejennya di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain.

(6) Pemotongan nama sesuatu syarikat luar pesisir dari daftar di bawah seksyen ini tidaklah tersentuh oleh apa-apa kegagalan pada pihak Pendaftar untuk menyampaikan suatu notis kepada setiausaha syarikat atau untuk menyiarkan suatu notis dalam *Warta*.

(7) Subseksyen (2) hingga (5) tidak terpakai bagi sesuatu syarikat luar pesisir yang dalam proses penggulungan dan pembubaran."

**26.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 151 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 151A, 151B dan 151c.

" Syarikat yang dipotong namanya bertanggung bagi fee, dsb.

151A. Sesuatu syarikat luar pesisir yang diperbadankan di bawah Akta ini hendaklah terus bertanggung bagi semua fee, fee lesen dan penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini, termasuk amaun tambahan yang dinyatakan dalam subseksyen (2) seksyen 151, walaupun nama syarikat luar pesisir itu telah dipotong dari daftar; dan fee, fee lesen dan penalti itu hendaklah diberi keutamaan daripada semua tuntutan lain terhadap aset syarikat luar pesisir itu.

151B. Pendaftar boleh enggan mengambil apa-apa tindakan yang dikehendaki diambil olehnya di bawah Akta ini yang baginya suatu fee ditetapkan sehingga semua fee sudah dibayar.

Fee kena dibayar kepada Pendaftar.

151c. (1) Jika nama sesuatu syarikat luar pesisir telah dipotong dari daftar, syarikat luar pesisir itu, dan pengarah-pengarah, anggota-anggota, pelikuidasi-pelikuidasi dan penerima-penerimanya, tidak boleh—

Kesan pemotongan

- (a) memulakan apa-apa prosiding undang-undang, menjalankan apa-apa perniagaan atau dengan apa-apa jua cara membuat urusan mengenai aset-aset syarikat luar pesisir itu;

- (b) membela apa-apa presiding undang-undang, membuat apa-apa tuntutan atau menuntut apa-apa hak untuk, atau atas nama, syarikat luar pesisir itu; atau
  - (c) bertindak dengan apa-apa cara jua berkenaan dengan hal-ehwal syarikat luar pesisir itu.
- (2) Walau apa pun subseksyen (1), jika nama syarikat luar pesisir itu telah dipotong dari daftar, syarikat luar pesisir, atau seseorang pengarah, anggota, pelikuidasi atau penerimanya, boleh—
- (a) memohon kepada Pendaftar supaya syarikat luar pesisir itu didaftarkan semula;
  - (b) terus membeia prosiding yang dimulakan terhadap syarikat luar pesisir itu sebelum tarikh pemotongan itu; dan
  - (c) terus menjalankan presiding undang-undang yang dimulakan bagi pihak syarikat luar pesisir itu sebelum tarikh pemotongan itu.
- (3) Hakikat bahawa nama sesuatu syarikat luar pesisir telah dipotong dari daftar tidak menghalang—
- (a) syarikat luar pesisir itu menanggung liabiliti;
  - (b) mana-mana pemiutang membuat tuntutan terhadap syarikat luar pesisir itu dan meneruskan tuntutan sehingga penghakiman atau pelaksanaan; atau
  - (c) perlantikan seorang pelikuidasi rasmi oleh Mahkamah untuk syarikat luar pesisir itu di bawah Bahagian VIII dan Bahagian X (setakat yang berhubungan dengan syarikat luar pesisir yang terhad oleh syer) Akta Syarikat 1965."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan permulaan kuatkuasa Rang Undang-Undang ini.
3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk menggantikan takrif tertentu dan memasukkan takrif baru yang tertentu untuk mempermudah pentafsiran Akta.
4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 6 Akta untuk menjelaskan bahawa seseorang pemastautin yang memperbadankan suatu syarikat luar pesisir di Labuan adalah seorang bukan pemastautin bagi maksud seksyen 8 Akta Syarikat Amanah Labuan 1990.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(3) Akta untuk menentukan bilakah suatu syarikat luar pesisir boleh menjalankan perniagaan dalam matawang Malaysia dan dengan pemastautin-pemastautin Malaysia dan untuk membenarkan aktiviti-aktiviti petroleum dijalankan oleh syarikat luar pesisir. *Fasal 4* juga bertujuan untuk meminda subseksyen 7(4) bagi menjelaskan bilakah suatu syarikat luar pesisir disifatkan tidak berurusan dengan pemastautin-pemastautin.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(2) bagi memperuntukkan bilakah dokumen-dokumen boleh diperolehi daripada atau diserahkan dengan Pendaftar tanpa perlu melalui suatu syarikat amanah.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 21 untuk menghendaki supaya label-label tertentu menjadi sebahagian daripada nama sesuatu syarikat luar pesisir.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 29(2) untuk membenarkan pemastautin-pemastautin memohon beli syer-syer dalam sesuatu syarikat luar pesisir tetapi tidak boleh memohon beli debentur atau memberikan pinjaman kepada atau menandatangani wang dengan suatu syarikat luar pesisir.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 51 untuk membenarkan syer-syer diperingkatnilaikan semula daripada satu matawang kepada yang lain.
10. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (2A) ke dalam seksyen 86 dan perenggan baru (*d*) ke dalam subseksyen (4) dalam seksyen itu. Di bawah peruntukan-peruntukan yang dicadangkan nombor syarikat mesti terdapat pada memorandum dan perkara persatuan sesuatu syarikat luar pesisir dan pada dokumen-dokumen ditetapkan yang lain.

11. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subseksyen 87(2) bagi membenarkan sesuatu syarikat domestik yang sepenuhnya dimiliki oleh sesuatu syarikat amanah untuk menjadi pengarah suatu syarikat luar pesisir.
12. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 93 untuk memasukkan subseksyen baru (1A) dan Untuk meminda subseksyen (2) bagi membenarkan perbadanan menjadi setiausaha suatu syarikat luar pesisir.
13. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda subseksyen 94(2) dan 94(3) untuk menyatakan butir-butir seseorang pengarah dan setiausaha mana-mana syarikat luar pesisir yang mesti dimasukkan dalam daftar.
14. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 94A untuk menyatakan liabiliti untuk perbadanan yang menjadi pengarah atau setiausaha, dan pembelaan-pembelaan kepada kesalahan-kesalahan terhadap Akta.
15. *Fasal 21* bertujuan untuk memasukkan suatu Bahagian baru, iaitu Bahagian VIII A, ke dalam Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan, pengawalan, pentadbiran dan liabiliti syarikat pengurusan.
16. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 147 untuk membenarkan syarikat-syarikat luar pesisir yang dimiliki oleh bukan pemastautin memegang sekuriti dalam sesuatu syarikat domestik tertakluk kepada batasan bahawa ia tidak terjumlah kepada kepentingan pengawalan dalam syarikat domestik itu.
17. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 150 untuk memperluas ruang lingkup orang yang boleh diberi pengecualian oleh Menteri daripada peruntukan-peruntukan tertentu Akta.
18. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 151 dan *Fasal 26* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 151A hingga 151c bagi mengadakan peruntukan tentang keadaan-keadaan yang membolehkan nama syarikat luar pesisir dipotong dari daftar dan akibat pemotongan sedemikian.
19. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara nyata dalam Huraian ini adalah—
  - (a) pindaan-pindaan kepada beberapa peruntukan untuk memanjangkan tempoh bagi melakukan perbuatan tertentu di bawah Akta dari satu minggu atau dua minggu ke satu bulan;
  - (b) pindaan-pindaan yang berbangkit dan yang kecil sahaja.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1970.]